Vol. 24 No. 1 (2024)
ISSN: 1823-4313 / e-ISSN: 2785-9169
https://ejournal.unipsas.edu.my/

KESEDIAAN DAN PENGETAHUAN TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN TEKNOLOGI MUDAH ALIH DI KALANGAN GURU SAR KAFA DALAM MENINGKATKAN KUALITI GURU

READINESS AND KNOWLEDGE OF MOBILE TECHNOLOGY-BASED TEACHING AND LEARNING AMONG KAFA TEACHERS IN ENHANCING TEACHER QUALITY

Mohd Mokhtarishah bin Mohamed Mokhtar[1], Hasmadi bin Hassan[1]

[1] Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesediaan dan pengetahuan terhadap pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi mudah alih di kalangan guru Sekolah Agama Rakyat dan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (SAR-KAFA). Kajian ini dicadangkan setelah melihat keperluan penggunaan teknologi mudah alih dalam pendidikan sebagai alternatif terbaik untuk tujuan pengajaran dan pembelajarann. Penggunaan teknologi mudah alih mempercepatkan penyebaran ilmu pengetahuan dan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dari aspek masa, tempat dan kondisi semasa. Oleh itu, kajian ini berpeluang melihat sejauh mana tahap kesediaan dan pengetahuan dari aspek penggunaan dan sikap serta mengenalpasti masalah yang dihadapi dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi mudah alih. Melalui kajian ini juga dapat mengenalpasti jenis atau bentuk pengajaran dan pembelajaran yang paling dominan dalam kalangan guru SAR KAFA sama ada dalam bentuk video, audio, slaid, interaktif dan latihan. Sampel kajian seramai 200 responden yang terdiri daripada guru SAR-KAFA di 20 buah Sekolah Rendah dalam Daerah Kuantan. Satu set soal selidik yang mengandungi 46 item dibina oleh penyelidik berdasarkan sumber-sumber kajian dan diedarkan kepada responden. Manakala data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian "Statistical Packages For Social Sciences" (SPSS) versi 25.0. Penganalisaan data dibuat dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu peratusan, min dan sisihan lazim bagi menjawab persoalan kajian. Sementara statistik inferensi iaitu Anova sehala, ujian-t dan kolerasi digunakan untuk menguji hipotesis-hipotesis kajian. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada mengenalpasti tahap kesediaan dan pengetahuan terhadap pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi mudah alih dan kualiti guru..

Perkembangan Artikel

Diterima: 13 Disember 2023
Disemak: 1 Mac 2024
Diterbit: 30 April 2024

*Corresponding Author: Mohd Mokhtarishah bin Mohamed Mokhtar, Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah;

Email: mokhtarishah_jasa@yahoo.com

Kata kunci: Kesediaan Dan Pengetahuan, Pengajaran Dan Pembelajaran, Teknologi Mudah Alih, Kualiti Guru.

Abstract

This study was conducted to identify the level of readiness and knowledge regarding mobile technology-based teaching and learning among teachers of Sekolah Agama Rakyat (SAR) and Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). The study was proposed based on the growing need for the use of mobile technology in education as the best alternative for teaching and learning purposes. The use of mobile technology accelerates the dissemination of knowledge and facilitates the teaching and learning process in terms of time, place, and current conditions. Therefore, this study aims to examine the level of readiness and knowledge in terms of usage, attitudes, and to identify the challenges faced in mobile technology-based teaching and learning. The study also aims to determine the most dominant form or type of teaching and learning used among SAR-KAFA teachers, whether in the form of video, audio, slides, interactive materials, or exercises. The research sample consisted of 200 respondents, comprising SAR-KAFA teachers from 20 primary schools in the Kuantan district. A set of questionnaires containing 46 items was developed by the researcher based on previous studies and distributed to the respondents. The collected data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 25.0. Data analysis was conducted using descriptive statistics such as percentage, mean, and standard deviation to answer the research questions. Meanwhile, inferential statistics such as one-way ANOVA, t-tests, and correlation analysis were used to test the study's hypotheses. The findings of this study are expected to contribute to identifying the level of readiness and knowledge in using mobile technology for teaching and learning, as well as the overall quality of teachers.

Keywords: *Readiness and Knowledge, Teaching and Learning, Mobile Technology, Teacher Quality.*

PENGENALAN

Teknologi mudah alih memudahkan urusan pengajaran dan pembelajaran di mana guru dapat berinteraksi dengan pelajar melalui teknologi mudah alih atau telefon pintar yang sentiasa dalam genggaman tangan. Beberapa penyelidikan telah dijalankan dan mendapati kesan yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan teknologi mudah alih. Penggunaan iPad, telefon pintar yang bersaiz kecil dan mudah alih menambah motivasi dan mempertingkatkan keberkesanan pengajaran (Saedah Siraj, 2004). Guru harus lebih berani mengaplikasi apa juga teknologi bagi memperkukuh metodologi pendidikan sedia ada supaya lebih mantap dan berkesan. Pada masa kini, pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi mudah alih sudah menjadi satu keperluan untuk memperolehi ilmu, info dan maklumat dengan lebih cepat. Pelbagai maklumat boleh diperolehi dengan mudah sekali dan semua maklumat boleh diperolehi di hujung jari.

Kemunculan teknologi mudah alih telah mewujudkan satu peluang baru dalam kalangan guru disebabkan sifatnya yang menarik, pantas dan sangat interaktif. Dengan ciri-ciri tersebut, teknologi mudah alih dilihat mampu memberi impak yang maksima terhadap aktiviti pengajaran di kalangan guru "SAR-KAFA" seterusnya mempengaruhi minat guru dan pelajar untuk

berkomunikasi dan berinteraktif antara satu sama lain. Kaedah pengajaran perlu mengalami transformasi sejajar dengan perkembangan sosial, ekonomi dan juga teknologi. Kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi memerlukan guru "SAR-KAFA" menggunakan peluang dan kelebihan yang ada untuk merencana perancangan pengajaran yang lebih tersusun, berkesan dan dapat diakses oleh pelajar. Menurut Noor Syaheerah & Tajul (2021), guru perlu bersedia ke hadapan untuk mempelajari ilmu-ilmu berkaitan pendigitalan pendidikan Islam dan mampu memanfaatkan semua kemudahan yang tersedia bagi membantu penyebaran ilmu pendidikan Islam.

PENYATAAN MASALAH

Guru

Guru menghadapi pelbagai masalah, cabaran dan halangan menggunakan teknologi mudah alih untuk berinteraksi dan berkomunikasi dengan pelajar. Guru menghadapi banyak halangan dalam mempromosikan penggunaan teknologi digital, seperti dari segi sokongan berkaitan teknologi, masa dan kemudahan. Selain aspek ketersediaan infrastruktur seperti gajet dan pangkalan data berkuasa, aspek nilai tulen aplikasi juga diutamakan.

Penggunaan teknologi mudah alih dalam kalangan guru masih di tahap sederhana kerana tidak menggunakannya dengan cara yang kreatif serta tidak memanfaatkannya sebagai medium pendidikan. Pengajaran menggunakan teknologi mudah alih adalah sesuatu yang baharu menyebabkan terdapat guru yang tidak selesa dan kurang mahir mempelbagaikan bentuk pengajaran. Terdapat guru yang tidak mahir dan konsisten serta sering bertukar-tukar platform media sosial dan medium, dalam mengendalikan pembelajaran secara maya, ada masa mengunakan platform WhatsApp, kemudian bertukar Telegram. Medium pembelajaran juga berubah-ubah, dari aplikasi Zoom ke Google Meet dan panggilan video.

Cabaran lain kelas dalam talian ialah, sukar untuk memantau disiplin dan tumpuan pelajar, malah ada pelajar yang mengaku membuka dua paparan di komputer riba - satu untuk kelas dalam talian dan satu lagi untuk bermain 'permainan dalam talian. Tambahan pula, guru kurang bersedia bagi melaksanakan pengajaran kerana kurang latihan kemahiran, kekangan masa dan kekurangan rancangan bagi menambah baik kemudahan infrastrktur. Wujud jurang pengetahuan antara guru yang gemar mengajar secara atas talian berbanding guru yang kurang minat mengajar secara atas talian. Selain itu, guru tertekan dan hilang semangat bagi melaksanakan pengajaran kerana kemudahan akses internet yang sederhana, peranti dan beban kerja yang terlalu banyak. Ini termasuk persediaan untuk menggunakan pelbagai teknologi dalam talian seperti portal pendidikan dalam talian, Microsoft Teams, Zoom serta Google Meet.

Cabaran utama yang dihadapi guru dalam melaksanakan pengajaran melalui teknologi mudah alih seperti iPad dan telefon pintar adalah kesukaran mendapatkan perhatian pelajar dan mereka tidak dapat memberikan fokus semasa belajar kerana suasana tempat belajar yang tidak kondusif. . Jika pengajaran di sekolah, guru boleh panggil murid bersemuka dan berikan motivasi, tapi bila kelas dijalankan secara dalam talian, ia bergantung kepada persediaan murid itu dari segi alat peranti, capaian internet, pelan data dan motivasi sendiri.

Ibu bapa

Ibu bapa pula merasa terbeban kerana guru memberikan terlalu banyak latihan kepada pelajar hingga menyebabkan mereka terpaksa membantu anak membuat latihan. Guru pula terikat kerana perlu habiskan silibus selain perlu memberikan laporan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Memang terdapat kekangan dan kesukaran dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi mudah alih walaupun mempunyai peralatan dan internet yang mencukupi.

Ibubapa pula tidak dapat memberi komitmen untuk memantau pembelajaran anak secara maya kerana kekangan masa atas faktor bekerja dan kurang pengetahuan berkaitan aplikasi yang digunakan oleh guru dalam sesi pembelajaran. Ibu bapa terpaksa 'belajar' aplikasi Google classroom, Google Meet dan sebagainya untuk membantu anak masing-masing menyertai sesi pembelajaran dan menyiapkan tugasan/ Ibu bapa yang mempunyai anak yang ramai pula terpaksa berbelanja agak besar untuk membeli alat mudah alih seperti ipad dan telefon pintar, komputer riba dan pelbagai peralatan untuk pembelajaran secara maya serta langganan internet.

Pelajar

Pelajar pula sukar untuk memahami pembelajaran secara online sebab masalah komunikasi yang one-way (guru kepada pelajar), pelajar sukar mahu bertanya soalan atau untuk minta penjelasan lanjut.

Oleh itu, adalah penting bagi setiap guru “SAR-KAFA” untuk mengikuti perkembangan teknologi pendidikan norma baru untuk berkomunikasi dengan pelajar. Pengajaran dengan teknologi mudah alih tidak sama dengan cara pengajaran bersemuka, Salah satu faktor pelajar tidak bersemangat kerana tiada guru secara bersemuka dan masalah pengurusan masa ibu bapa dalam memantau pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran tersebut. Terdapat pelajar yang tidak mampu mengikuti pembelajaran secara online kerana tiada capaian internet.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran digital seperti dalam talian telah mendapat respons yang kurang memuaskan apabila terdapat segelintir pelajar yang mengalami tekanan akibat kurang bersedia untuk menggunakan kaedah pembelajaran yang berbeza. Pelajar hanya bersedia melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka kerana tidak dapat mengadaptasi pembelajaran dalam talian.

Kemudahan teknologi mudah alih dan capaian internet

Kekangan yang dihadapi guru dan pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran menggunakan teknologi mudah alih ialah ketiadaan kemudahan gajet atau telefon pintar, capaian internet lemah di sesetengah kawasan dan kurang kemampuan membeli data internet untuk melibatkan diri dalam pembelajaran maya. Masalah ini menuntut pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, penggunaan buku teks dan penggunaan peranti tanpa capaian internet.

Mutu pembelajaran terutama dalam kalangan pelajar kurang berkemampuan, miskin bandar dan desa akan terjejas dan lemah sekiranya tiada usaha dilakukan bagi menangani isu pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi mudah alih. Pelajar yang berkemampuan akan terus dapat

mengikuti pembelajaran manakala yang sebaliknya akan terus ketinggalan.

Isu pencapaian internet yang tidak menentu yang boleh menganggu interaksi guru dan pelajar. Penggunaan data internet yang tinggi terutamanya untuk memuat turun video serta audio melibatkan kos yang tinggi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan bagi mengenal pasti sejauh mana penggunaan teknologi mudah alih dalam pengajaran di kalangan guru "SAR – KAFA". Kajian ini juga mengkaji kesediaan guru "SAR-KAFA" menggunakan media sosial dalam pengajaran. . Kajian ini juga meneroka rintangan yang perlu diharungi oleh guru "SAR-KAFA" bagi melaksanakan pengajaran dam pembelajaran menggunakan teknologi mudah alih. Tinjauan ini mampu memberi gambaran tentang kesediaan dan keupayaan guru-"SAR-KAFA" dalam menyampaikan pengajaran menggunakan teknologi mudah alih.

Objektif kajian

Secara khususnya, objektif kajian yang dijalankan adalah seperti berikut :

- Mengenalpasti tahap kesediaan guru "SAR-KAFA" terhadap penggunaan teknologi mudah alih dalam pengajaran.
- Menentukan jenis atau bentuk pengajaran yang paling dominan dalam kalangan guru "SAR-KAFA" sama ada video, audio, slaid, interaktif dan latihan melalui teknologi mudah alih.
- Mengenal pasti tahap kualiti guru "SAR-KAFA" dalam pengajaran berasaskan teknologi mudah alih?
- Mengenal pasti hubungan di antara kesediaan pengajaran berasaskan teknologi mudah alih dan tahap kualiti guru "SAR-KAFA".

Persoalan kajian

Berdasarkan kepada empat (4) objektif yang dikemukakan, maka terdapat empat (4) persoalan utama, iaitu;

- Apakah tahap kesediaan guru "SAR-KAFA" terhadap penggunaan teknologi mudah alih dalam pengajaran?.
- Apakah jenis atau bentuk pengajaran yang paling dominan dalam kalangan guru "SAR-KAFA" sama ada video, audio, slaid, interaktif dan latihan melalui teknologi mudah alih?.
- Apakah tahap kualiti guru "SAR-KAFA" dalam pengajaran berasaskan teknologi mudah alih?
- Apakah hubungan di antara kesediaan pengajaran berasaskan teknologi mudah alih dan

tahap kualiti guru “SAR-KAFA”.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif dan kuantitatif. Justeru bentuk kajian yang dilakukan bagi memperoleh maklumat tersebut adalah melalui kajian perpustakaan dan lapangan. Kajian perpustakaan merupakan satu kajian yang dilakukan berpandukan kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang dan Perpustakaan Awam Pahang menjadi pusat rujukan kepada penulis bagi mengumpul maklumat mengenai permasalahan yang dikaji. Penulis menggunakan kajian perpustakaan ini untuk mencari bahan-bahan bertulis berbentuk fakta dan lain-lain yang berkaitan seperti histori, dokumentari, buku-buku, jurnal, artikel, majalah dan artikel-artikel di laman sesawang yang mempunyai kaitan dengan tajuk penulisan ilmiah ini.

Berdasarkan tajuk dan objektif kajian, terdapat pelbagai kaedah atau cara yang dikenal pasti yang boleh digunakan untuk menjalankan sesuatu kajian. Beberapa aspek perancangan yang teliti diperlukan dalam melicinkan proses perolehan data, kesahan instrument, menganalisis dan menilai data kajian. Dalam menjalankan kajian, penulis menggunakan dua metodologi iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data bagi mendapatkan maklumat dan seterusnya menganalisis data-data tersebut bagi mencapai matlamat dan objektif kajian ini. Penulis juga menghuraikan perkara-perkara yang ada hubung kait dengan metodologi kajian seperti reka bentuk kajian, tempat kajian, populasi dan sampel kajian, instrument yang digunakan, prosedur penyelidikan serta kaedah menganalisis data.

Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan suatu kajian untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap kesediaan guru terhadap pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi mudah alih dalam meningkatkan kualiti guru “SAR-KAFA” di Daerah Kuantan dengan menggunakan instrument soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Berdasarkan kaedah temu bual, penyelidik dan subjek kajian perlu hadir secara bersemuka. Hal ini membolehkan data-data dan maklumat-maklumat yang dingini diperoleh secara langsung. Manakala kaedah pemerhatian pula, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku, mendengar serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dekat.

Tempat kajian

Kawasan kajian yang menjadi pilihan penulis untuk menjalankan kajian kes ini ialah “SAR-KAFA” Daerah Kuantan, Pahang. Kawasan ini dipilih kerana Daerah Kuantan adalah sebuah daerah yang besar dan Kuantan merupakan ibu negeri Pahang. Yang mana kajian tersebut dapat memberi gambaran umum terhadap permasalahan kajian. Di sini juga terdapat banyak “SAR-KAFA” sama ada di kawasan pendalaman, Tanah Rancangan Felda, pinggir bandar dan bandar.

Populasi

Populasi kajian ini adalah di kalangan guru “SAR-KAFA” di Daerah Kuantan. Dalam kajian ini, penyelidik akan memilih seramai 200 orang guru “SAR-KAFA” daripada 20 buah “SAR-KAFA” di Daerah Kuantan.

Sampel kajian

Sampel kajian terdiri daripada guru-guru “SAR-KAFA” di Daerah Kuantan. Responden yang dipilih adalah seramai 200 orang dari 20 buah “SAR-KAFA” di Daerah Kuantan. Hasil kajian ini tidak mewakili keseluruhan populasi guru “SAR-KAFA” di negeri Pahang dan Malaysia. Kajian ini juga hanya memberikan penumpuan kepada dua aspek utama iaitu kesediaan guru terhadap pengajaran berasaskan teknologi mudah alih dan kualiti guru.

Instrumen kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan instrument soal selidik sebagai alat utama untuk mengumpul maklumat tentang kesediaan pengajaran menggunakan teknologi mudah alih di kalangan guru “SAR-KAFA” dalam meningkatkan kualiti guru. Soal selidik dipilih kerana ia adalah antara langkah yang mudah dan efektif dalam mengumpulkan data. Selain itu ia juga menjimatkan masa, kos dan tenaga. Jumlah soalan dalam borang soal selidik ini, bilangannya dianggap releven untuk tujuan kajian ini. Soal selidik yang akan digunakan oleh penyelidik adalah butiran responden dalam bahagian A. manakala soalan dalam bahagian B merangkumi penjelasan bagi objektif kajian

Soalan-soalan dalam soal selidik ini adalah berbentuk tertutup dan berbentuk pilihan jawapan. Skala yang digunakan untuk pembinaan soal selidik bagi tujuan kajian ini adalah berdasarkan kepada skala Likert yang mencadangkan penggunaan satu set senarai kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu institusi, isu atau aktiviti. Responden diminta memberi persetujuan dalam konteks sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju terhadap setiap pernyataan digunakan untuk mengukur kesediaan guru terhadap pengajaran berasaskan teknologi mudah alih di kalangan guru “SAR-KAFA” dalam meningkatkan kualiti guru.

Analisis Data

Data-data yang diperoleh dianalisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Analisis deskriptif dan peratusan digunakan untuk menentukan sikap kesediaan pengajaran berasaskan teknologi mudah alih, jenis-jenis pengajaran berasaskan teknologi mudah alih, kesediaan menggunakan teknologi mudah alih dan kualiti guru di kalangan guru “SAR-KAFA”.

Untuk tujuan pengujian hipotesis alat statistik Ujian t dan analisis annova sehala digunakan. Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan komputer. Program yang digunakan adalah ‘Statistical Package for the Social Science’ (SPSS).

KESIMPULAN

Guru merupakan ahli masyarakat yang memainkan peranan utama melaksanakan dasar dan tujuan pendidikan. Dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada guru-guru yang merupakan golongan penentu kepada berjaya atau gagalnya usaha untuk melaksanakan apa jua bentuk perubahan ke arah mewujudkan perancangan dan pengurusan dilaksanakan dengan teliti, cekap dan berkesan.

Kejayaan pengajaran dan pembelajaran akan meningkatkan kualiti guru dan pendidikan. Ianya memerlukan sokongan semua pihak iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), sekolah, guru, ibu bapa, penjaga dan komuniti. Dalam kajian ini, mengenal pasti sejauh mana tahap pemahaman, penggunaan dan sikap serta mengenalpasti jenis atau bentuk pengajaran berasaskan teknologi mudah alih yang paling dominan dalam kalangan guru "SAR-KAFA" sama ada video, audio, slaid, interaktif dan latihan bagi mewujudkan kualiti guru.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

Abu Khairi & Rozaimi. (2007). Cabaran guru pendalaman Ehwal Pendidikan Feb6-13.

Abd Hadi Bin Harun. (2014), Kesan Pembelajaran Berasaskan Projek Secara Atas Talian Ke Atas Sikap, Pengetahuan Dan Tingkah Laku Pelajar Terhadap Tenaga Diperbaharui, USM.

Abu Hassan Hasbullah. (2006). Wayang gambar: Menelaah scene sejarah perkembangan, sempadan teori dan studi masa depan. Dlm. *Media Di Malaysia: Mendukung Citra Bangsa*, ed. Hamedi Mohd Adnan & Rahman Shaari. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Atory Hussin. (1998). Reformasi Pentadbiran Di Malaysia. Selangor : Utusan Publication dan Distributors Sdn Bhd.

Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991). *Pengurusan Dalam Islam*. Terj. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Zaki bin Amiruddin et. Al. (2014). Penggunaan aplikasi atas talian dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Alias Baba. (1992). *Statistik penyelidikan dalam Pendidikan dan sains sosial* . Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Alis bin Putih. (2008). Proses Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah-sekolah luar bandar. Satu kajian di Kubang Pasu, Kedah. Conference Paper Seminar Pendidikan UTM Mei 2008.

Babbie, E.2001. *Survey research methods*. California Wadsworth Publishing.

Barry, T.J (2002). *Organisasi kualiti mutlak*. Skudai Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia.

Briliannur Dwi C, Aisyah Amelia, Uswatun Hasanah, Abdy Mahesha Putra & Hidayatur Rahman. (2020). Analisis Keefektifan Pembelajaran Online di Masa Pandemik Covid-19. *MAHAGURU: Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 28-37.

Burhan. J.W. (1999). Mengurus kualiti di sekolah. Terj. Tengku Abd Aziz Tengku Zainal 2004. Kuala Lumpur. Istitut Terjemahan Negara.

Cheng, Y.C 1996. School Effectiveness & school based management : A mechanism for development. London : The Falmer Press.

Cheng, Y.C Cheng W.M & Tam, W.M 1996. A conceptual model for implementing and managing parental involment in school education. Paper presented at the Eight Regional / International Conference of the Commenweath Council on Educational Administration Kuala Lumpur 19-24 Ogos.

Davies B & West Burniham 1, (2006). Menyusun semula kualiti sekolah. Terj Zul Azlan Hamidin. Kuala Lumpur. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Deming, W.E 1981 Management of Statistical Technique For Quality And Production,. New York : New York University

Eisner, E.W. (1985), *The educational imagination: On the designand evaluation of scholl program*. New York: Mac Milan

Fatin Aliah Phang. (2020). *Pembelajaran Atas Talian Untuk Pembelajaran Sepanjang Hayat*, UTM.

Ghazali Darusalam, Sufean Husin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan* :Universiti Of Malaya Publication.

Ghazali Sulaiman. (2007). Media Komunikasi Islam. S.Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM.

Gavin, D.A 1988. Managing Kualiti. New York : The Free Press Mac Milan Inc.Hanson, E.M. 1996. Educational administration and organizational behaviors Ed..k 4. Boston : Allyn and Bacon.

Harith Asyraf Hasnam. (12 April 2020), Masalah internet, infrastruktur P&P di rumah jadi keluhan rakyat Malaysia - Kajian . Astro Awani

Hussein Mahmood. (1992). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah Kuala Lumpur* : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Huzaimah Ismail & Baterah Alias. (2007). Dakwah dan Kewajipan. S.Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UITM.

Jabatan Perdana Menteri, (1996). Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil 2/96. Kuala Lumpur. Jabatan Perdana Menteri.

Idris Awang, Rahimin Affindy Abdul Rahim (2006).Sorotan Kajian Lepas: Teori dan Amalan dalam Penyelidikan Islam. *Jurnal Fiqh*, *3*, 133-156.

Jaafar Muhammad, Mohd Hizam, H dan Zafir. M. (2000). *Pengantar Pengurusan*. Kuala Lumpur : Vinlin Press Sdn. Bhd.

Jemaah Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003). *Standard Kualiti Pendidikan Malaysia*. SKPM Edisi Disember 2003. Kajang Selangor.

Jonathan Sarwono (2006) *Metode Penelitian Kuantitatif & Kualitatif* : Graba Ilmu, Candi Gebang Permai Blok R6, Yogyakarta 5511

Kamaruddin Musa. (2003). Pengurusan Kualiti Menyeluruh dalam hubungan dengan

keberkesanan organisasi. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamus Dewan Edisi 3. (2004). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan. Kuala Lumpur.

Lewis, R.G. & Smith, H.D. (1994). Total Quality in higher education. Florida: St Lucie Press.

Lourdusamy. A.(1994). *Perbezaan Gaya Kognitif Individu dan Implikasinya Terhadap Pendidikan*. Universiti Sains Malaysia. Siri Syarahan Pelantikan Profesor.

Mampu. (1996). Pekeliling Kemajuan Pertadbiran Awam Bil 2/1996: Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9000 Dalam Perkhidmatan Awam

Martina Napratilora, Hendro Lisa & Indra Bangsawan. (2020). Using WhatsApp as a Learning Media in Teaching Reading. MITRA PGMI: Jurnal Kependidikan MI, 6(2), 116-125.

Mohammed Sani, Mohd Izham & Janabee. 2008. Sekolah Berkesan konsep dan ciri utama. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia Selangor

Mohd Ali Salim. (2007). Memahami tugas guru. Penjana Minda Insan Dis: 78-79

Mohd Majid Konting, (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Mohd Salleh Lebar. (2000). *Pentadbiran Pendidikan dan Pendidikan di Malaysia*. Petaling Jaya : Addision Wesley Longman Malaysia.

Muzaffar Syah Mallow (2020), Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Talian, USIM. Tinta Minda, Kolumnis BERNAMA.

Idrus, N. (1996), "Towards total quality management in academia", *Quality Assurance in Education*, Vol. 4 No. 3, pp. 34-40. https://doi.org/10.1108/09684889610125850

Rahim, N. A. (2013). *Penggunaan mobile learning (m-learning) untuk tujuan pembelajaran dalam kalangan pelajar kejuruteraan UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

Oakland J.S, 1994. *Total Quality management*. Boston : Butterworth Heinemann.

Patton, M.Q. (1990). *Qualitative evaluation and research method*. Newbury Park: Sage.

Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam. Garis panduan mengenai strategi-strategi peningkatan kualiti dalam perkhidmatan awam. Bilangan 4 tahun 1991.

Robiah Sidin. (2003. *Teori Pentadbiran Pendidikan – Satu Pengenalan.* Selangor: Percetakan ASNI.

Ross, J.E. (1995). Total quality management: Text, cases and reading. Singapore: SS Mubarak & Brother

Samsuddeen. KMS Abdul Aziz. (2005). Amalan Pengurusan Berasaskan Sekolah di sekolah-sekolah swasta di Malaysia : Satu Tinjauan. Tesis Doktor Falsafah : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saslis. (1993). Total Quality Management In Education. London British Library Cataloging in Publication Data Management, 10, Issue 3.357

West-Burnham, J. (1946). Mengurus Kualiti Sekolah Terj. Tengku Abd Aziz Tengku Zainal. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad